



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 7 JUN 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KRISIS HANYA SEMENTARA, MUKA DEPAN & WAWANCARA- HARAKAH-1 & H3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA (MAFI)
2.	PASARAN BUNGA ORKID DIPERLUASKAN, SINAR HARIAN, NASIONAL-5	
3.	AYAM :SELESAI DAHULU ISU SUBSIDI, PEKERJA, DALAM NEGERI,UM-12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA (JPV)
4.	AYAM :SELESAI DAHULU ISU SUBSIDI, PEKERJA, DALAM NEGERI,UTUSAN.COM-ONLINE	
5.	1,163 PESAWAH TERJEJAS BANJIR SUDAH TERIMA BANTUAN, NASIONAL,BH-21	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
6.	1,163 PESAWAH TERJEJAS BANJIR SUDAH TERIMA BANTUAN, BH-ONLINE	
7.	LEWAT TERIMA BAJA BANTUT TUMBESARAN PADI, DALAM NEGERI, UM-32	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8.	LEWAT TERIMA BAJA BANTUT TUMBESARAN PADI, UTUSAN.COM-ONLINE	
9.	ORANG TENGAH KUASAI PERIKANAN, DALAM NEGERI,UM-5	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10.	LITTLE NAPOLEON KACAU INDUSTRI IKAN, RENCANA,UM-14&15	
11.	KEMBALI SUBSIDI MINYAK BANTU NELAYAN C2 TINGKAT TANGKAPAN, DALAM NEGERI,UM-12	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
12.	KEMBALI SUBSIDI MINYAK BANTU NELAYAN C2 TINGKAT TANGKAPAN, DALAM NEGERI,UTUSAN.COM-ONLINE	
13.	PELAN MITIGASI KOMPREHENSIF HADAPI KRISIS TEPUNG, NASIONAL, HARAKAH-H2	LAIN-LAIN
14.	SAMPAI BILA NAK IMPORT MAKANAN?, NASIONAL,HARAKAH-H2	
15.	DILEMA "FOOD SECURITY" DAN PERTANIAN YANG TERKESAMPING,NASIONAL,HARAKAH-H2	
16.	KERAJAAN AMBIL PENDEKATAN BERHATI - HATI ISU BEKALAN MAKANAN, NASIONAL,SH-6	
17.	TANAM PADI LIMA KALI SOLUSI KURANGKAN IMPORT, UTARA,HARAKAH-H16	
18.	GERAK KEMPEN TANAM PADI DI TANAH PAYA TERBIAR, NEGERI,SH-23	
19.	TANGANI KRISIS SEKURITI MAKANAN,NASIONAL-SH-4	
20.	GAGAL SELUDUP 11,700 TELUR PENYU, LOKAL,HM-18	
21.	GOF SEIZES NEARLY 12,000 TURTLE EGGS IN SARAWAK,NATION,THE STAR-5	
22.	"TANGANI SEGERA KRISIS SEKURITI MAKANAN", LOKAL,HM-9	
23.	STOK TELUR BERKURANG 60 PERATUS, NEGARA,KOSMO-16	
24.	FOOD SUPPLY A GLOBAL ISSUE TOO, SAYS PM,NATION,THE STAR-4	
25.	FARMING FAILURE,MUKA DEPAN,THE SUN-1	
26.	"INVOLVEMENT OF YOUTH WOULD CUT RELIANCE ON IMPORTS" NEWS WITHOUT BORDERS,THE SUN-3	
27.	STEPS TO CUSHION FOOD PRICE HIKES, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN-3	
28.	BEING VEGAN NOT AN EXPENSIVE ALTERNATIVE, NEWS WITHOUT BORDERS,THE SUN-4	
29.	IN OVEN OF INFLATION, MUKA DEPAN,NST-1	
30.	PM: GOVT CAUTIOUS IN TACKLING FOOD SUPPLY, NATION, NST-2	
31.	ROTI CANAI FANS FEELING THE PINCH,NATION,NST-4	
32.	"ROTI CANAI MAY COST 10 SEN MORE IF PRICES OF INGREDIENTS NOT CONTROLLED", NATION,NST-4	
33.	SUKAR CARI TELUR AYAM, SARAWAKVOICE.COM-ONLINE	
34.	USAHA TANAH TERBIAR TINGKAT MAKANAN NEGARA, SH-ONLINE	
35.	SEGERAKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI PERTANIAN : SALAHUDDIN, SH-ONLINE	
36.	SEGERAKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI PERTANIAN : SALAHUDDIN, MSN.COM-ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2022	HARAKAH	MUKA DEPAN	1

KRISIS HANYA SEMENTARA

➔ Stok tepung bakal pulih semula
➔ Bekalan ayam makin stabil

35
TAMU HARAKAH
1987

#CUIT-CUIT LEBAI

Beberapa tahun kebelakangan ini, ramai yang bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang.

Faktor tekanan hidup, tapi aku tengok kerajaan negeri dia macam tak tertekan pun...



“Ini tidak akan berlaku, sebab perniagaan mereka antara yang besar. India ini adalah pengeksport gandum. India berhenti pengeksportan dan akan cukupkan stok dalam negaranya, bila cukup mereka akan eksport balik. Tidak mungkin benda ini berpanjangan.”

• DATUK DR NIK MUHAMMAD ZAWAWI SALLEH - Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan

▶ LANJUT WAWANCARA KHAS DI H3, LAPORAN ISU DI H2, H4 & H7

Krisis bersifat sementara?

HARAKAH: Rakyat men-
gaduh dengan kenaikan
harga tepung gandum dan
kekurangan gandum di
pasaran, adakah Malaysia
sebenarnya mempunyai
sekuriti makanan yang ku-
kuh?

**DR NIK MUHAMMAD
ZAWAWI:** Istilah sekuriti
makanan ini ialah makanan
asasi, makanan asasi nega-
ra kita adalah beras. Kadar
beras dalam negara kita ini
mencukupi bahkan kita ada
stok untuk bekalan beras ini
sampai tempoh dua bulan
(kalau tidak silap). Masih
mencukupi.

Adapun gandum ini,
ia bukan makanan asasi
dalam konteks Malaysia ber-
banding di Eropah gandum
menjadi ruji makanan me-
reka. Cuma gandum ini me-
rupakan makanan yang kedua
selepas beras antaranya roti.

Jadi isu yang membabitkan
gandum ini sebagaimana
yang diketahui umum,
apabila kerajaan India ber-
hentikan mengeksport gan-
dum ke luar dan ini bukan
selama-lamanya, tidak kena
bekalan gandum di India
ini berkurangan, maka me-
reka berhenti buat seketika
supaya stok fail mereka ini
mencukupi di India.

Jadi bila India berhenti-
kan pengeluaran gandum
tentunya ia akan memberi
kesan kepada seluruh dunia
kerana India sebuah negara
pengeksporth gandum antara
yang besar di dunia. Negara
India ini akan eksport balik
gandum selepas daripada
stok bekalan mereka men-
cukupi.

Kita harap benda ini tidak
berpanjangan dan sehingga
ke hari ini pun dalam
negara kita masih cukup
lagi bekalan gandum, masih
ada di jual di kedai-ke-
dai dan harga dia pun masih
berpatutan walaupun sudah
ada kenaikan.

Kita semua tahu baran-
gan di seluruh dunia bukan
negara kita sahaja berlaku
kenaikan, sebagaimana kita
semua maklum ia punca
dari pelbagai faktor antaran-
ya kerana peperangan Ru-
sia-Ukraine, Covid-19, ben-
cana alam yang menimpa
banyak negara dalam dunia.

Kos sara hidup yang tidak
stabil di seluruh dunia jadi
sebab itulah kenaikan harga
barang ini meningkat naik
dan insya Allah kerajaan Ma-
laysia kita imbangkan kenai-
kan harga barang ini dengan
kenaikan gaji seperti contoh
gaji minimum dan gaji-gaji
elaun-elaun yang lain akan
di nilai oleh pihak kerajaan
dan akan berlaku imbangkan
pada aspek itu.

KRISIS bekalan makanan khususnya tepung, ayam
dan beberapa makanan lain mungkin hanya bersifat
sementara kerana beberapa faktor global sedang
berlaku ketika ini. Bagi mendapatkan penjelasan
mengenai isu ini, Wartawan NORHAZWANI NOH
mendapatkan pandangan Timbalan Menteri
Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Dr Nik
Muhammad Zawawi Salleh dalam satu wawancara
ringkas bersama beliau pada Khamis. Ikuti
wawancara berikut.

**Seandainya India masih
menyekat untuk mengek-
sport tepung ke nega-
ra lain dan ini berlarutan
bagaimana?**

Ia tidak akan berlaku, se-
bab pemiagaan mereka an-
tara yang besar. India ini
adalah pengeksporth gan-
dum.

Ia sama sebagaimana
kita lsythar ayam di dalam
negara kita, kita tidak akan
eksport ke luar kerana
kedudukan ayam di dalam
negara kita ini tidak stabil,
jadi bila ayam ini stabil kita
eksport balik.

India berhenti pengek-
sportan dan akan cukupkan
stok dalam negaranya, bila
cukup mereka akan eksport
balik. Tidak mungkin benda
ini berpanjangan.

**Jika stok masih ada
bagaimana harga semakin
meningkat?**

Bila barang semakin
berkurangan memang harga
akan naik, jadi bila barang
ini banyak balik insya Allah
harga akan turun balik. Itu
kadar pemiagaanlah, ia tidak
boleh lari daripada itu tapi
kerajaan kita Malaysia ini
sentiasa mengambil inisiatif
yang berbilang-bagai
macam ayam diberi subsidi
RM0.60, telur RM0.05 untuk
sejaji.

Jadi sampai hari ini pun
kita lihat ayam di Malay-
sia ini adalah termurah ber-
banding Singapura, Thai-
land, Vietnam, Kemboja
kerana kita bersubsidi, nega-
ra lain tidak mampu un-
tuk melaksanakan subsidi,
ini kelebihan yang di miliki
oleh kerajaan kita, Alham-
dullillah. Kita syukurlah.

**Sebelum ini ada melapor-
kan mengenai kartel dag-
ing dan ayam, ini juga bo-
leh terjadi kepada tepung
gandum, jadi bagaima-
na Dato' melihat perkara
ini dan apa jalan penyele-
saan yang terbaik untuk
menghapuskan kartel ini?**

Dia sebenarnya bu-
kan kartel, istilah kartel ini
orang ketiga yang berpera-
nan memainkan harga. Se-
karang ini dalam negara kita
ini sudah tidak banyak lagi
kumpulan ketiga ini, yang
berlaku dalam negara kita

ini adalah pemain-pemain
Industri itu sendiri macam
ayam dan seumpamanya,
pemain itu sendiri.

Insya Allah kerajaan
akan menangani dan kera-
jaan sentiasa tegas dalam
menangani isu yang
membabitkan pencatutan
harga barangan makanan
asasi negara ini.

Yang sebut kartel itu ist-
lah yang mudah diguna pak-
ai, yang berlakunya kerajaan
akan memastikan tidak ada
permainan yang ketara ber-
laku di pihak orang tengah,
antara petani dan pengguna.
Benda ini sentiasa di pantau,
tapi itu urusan Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal Etwal
Pengguna (KPDNHEP) bukan
pertanian.

**Sekarang teknologi sema-
kin canggih, dahulunya
strawberi dikatakan han-
ya hidup di tempat sejuk,
tapi sekarang sudah boleh
ditanam di cuaca biasa be-
gitu juga anggur. Mungkin
dari segi gandum juga ada
jenis yang mungkin boleh
dijadikan industri di ne-
gara ini.**

Kita bersama-sama dengan
teknologi pertanian
yang ada dan Alhamdulillah
negara kita ini diantara yang
kehadapan dalam teknologi
pertanian, cuma berkaitan
dengan gandum ini ia tidak
sesuai dengan bumi Malay-
sia, dengan cuaca yang ada.

Ada tanam-tanaman
yang boleh kita tanam dan
ada yang tidak boleh kita ta-
nam kerana faktor musim
dan cuaca.

Kita ini ada musim banjir,
musim kemarau, gandum
ini tidak boleh hidup (dalam
keadaan) macam tu.

Kedua gandum ini dia
perluhan bumi yang rata.
Macam biasa gandum ini
hidup di negara-negara
yang ada empat musim, ka-
lau kita tengok musim salji,
bila habis salji ini terus dia
tabur gandum, maka lepas
habis sahaja salji gandum
ini keluar sekali dengan
bunga, tempat kita tidak ada
cuaca seumpama ini.

Kalau kita nak tanam ia
boleh tanam tetapi akan
membabitkan kos yang sang-
gat tinggi, tidak padan un-
tuk kita nak guna.



Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh melihat perkembangan beberapa projek pertanian.



Mesyuarat bersama beberapa anggota Kementerian dan pihak berkaitan bagi membincangkan mengenai isu bekalan makanan.

Macam juga padi kita,
padi perlukan air sebab itu
pada yang varieti yang ada
di tempat kita ini tidak se-
suai ditanam di negara ma-
cam di Mesir, Syria, nega-
ra-negara yang ada padang
pasir, tetapi di sana ada padi
dia, ada berasnya.

Macam juga padi bukit
yang kita tanam di Sabah
dan Sarawak, ini kelebihan
yang Allah buat ada negara
yang boleh tanam.

Macam juga kurma, kur-
ma boleh tanam di Malaysia.
Saya juga pernah tanam kur-
ma di Malaysia ini dan kita
boleh ambil teknologi ini su-
paya pokok kurma ini ber-
buah tapi satu pokok kurma
ini saya ingat lagi kita ter-
paksa berbelanja lebih dari-
pada RM3,000 baru dia kel-
uar dia punya bunga, buah.
RM3,000 baik beli kurma.

Ia sama juga, ada yang
boleh kita tanam ada yang
tidak boleh kita tanam pun,
teknologi pun tidak padan,
tidak sesuai, kita import lagi
murah.

**Kenyataan daripada Per-
dana Menteri berhubung**

**kerajaan tidak lagi mem-
beri subsidi kepada pen-
ternak ayam sebaliknya
disalurkan kepada rakyat,
bagaimana pandangan
Dato'?**

Sekarang ini pendekatan
yang kita ambil iaitu subsi-
di diberi terus kepada raky-
at yakni B40 supaya rakyat
dapat imbangi semua harga
barang yang naik.

Kalau kita bagi kepada
pemain industri ayam, ayam
sahaja yang murah sedan-
gkan yang berlakunya ban-
yak barangan lain mening-
kat juga sebab itu kita bagi
dalam bentuk subsidi tunai
kepada rakyat kita B40.

Jadi bila kita bagi tunai
ayam, ikan, beras dan gan-
dum pun boleh support, itu
tujuannya jika kita bagi te-
rus kepada rakyat. Ia menin-
gatkan beban rakyat.

Ia tidak mencukupi se-
bab itu rakyat kena faham
subsidi ini membantu sa-
haja, lain daripada itu, kita
ikhthiar sendiri.

Sebagai nasihat daripa-
da ustaz, rakyat tidak bo-
leh bergantung kepada kera-
jaan seratus peratus dalam

isu makanan ini, kita kena
bekerjasama bersama kera-
jaan.

Rakyat kena kreatif men-
cari duit, berusaha lebih,
kena mengharungi cabaran
yang kita terpaksa mende-
pani sekarang ini.

Ini benda global, seluruh
dunia mengadapinya se-
hingga arab Saudi yang kaya
lupun duit banyak yang
kita tahu, sekarang ini rak-
yat Saudi nak buat haji ke-
mana bayar RM6,000, sebab ma-
mana kaya sekalipun
kerajaan, rakyat tidak boleh
bergantung seratus peratus
kepada kerajaan dan ma-
na-mana kerajaan pun tidak
akan mampu untuk mem-
beri subsidi banyak perkara
dan bidang sangat kepada
rakyat. Tidak ada kerajaan
yang mampu.

Jadi Malaysia ini adalah
salah sebuah daripada kera-
jaan yang banyak mem-
bantu rakyat dan pelbagai
aspek yang kita bantu
dalam bidang pendidikan,
makanan sehinggalah haji
dari segi tambang semua
sekali-pun dibantu oleh
kerajaan.

Pasaran bunga orkid diperluaskan

Produk florikultur itu sumbang nilai eksport negara RM417.3 juta

Oleh HAZELN LIANA
KAMARUDIN
KOTA BHARU

Industri florikultur terutamanya bunga orkid menjadi salah satu penyumbang kepada nilai eksport negara apabila sebanyak RM417.3 juta telah berjaya direkodkan pada tahun lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, nilai tersebut menunjukkan peningkatan berbanding RM403 juta pada tahun sebelumnya.

"Usaha memperluaskan pasaran produk florikultur kini giat dijalankan ke pasaran sedia ada dan baru melalui perundingan dua hala serta penyertaan aktif dalam ekspo florikultur, landskap dan pelancongan.

"Sektor ini akan kekal sebagai teras ekonomi dan pemangkin kepada perkembangan pengeluaran Orkid, Flora dan Herba Negara," katanya selepas merasmikan Pesta Orkid, Flora dan Herba 2022 di Pusat Transformasi Luar



Orang ramai hadir memeriah majlis perasmian Pesta Orkid, Flora dan Herba 2022 yang berlangsung di RTC, Tunjung, Kota Bharu bermula Khamis.



Pengunjung tidak melepaskan peluang mendapatkan pokok bunga yang dijual dengan harga berpatutan.



Ahmad (kanan) merasmikan Pesta Orkid, Flora dan Herba 2022 di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung, Kota Bharu pada Jumaat.

Bandar (RTC) Tunjung di sini pada Jumaat.

Hadir sama Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Menurutnya, pada tahun lalu pengeluaran bunga-bunga negara dianggarkan berjumlah 414 juta keratan atau pasu dengan nilai RM270 juta.

Bellau berkata, permintaan yang semakin meningkat di pasaran global dalam industri florikultur memberi peluang kepada pengeluaran Orkid, Flora dan Herba Negara, ia sekali gus dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara dari segi pendapatan dan kesan limpahan positif kepada pelbagai sector lain.

"Pihak Kementerian akari sentiasa berusaha memajukan sektor florikultur negara bagi menjadikannya sebagai salah satu bidang yang menguntungkan dan mempunyai masa depan yang cerah.

"Malaysia mempunyai kelebihan dari segi kekayaan biodiversiti

berupaya menjana dan meningkatkan sumbangan industri florikultur negara," katanya.

Menurutnya, pihak kementerian bersama jabatan dan agensi di bawah sentiasa berusaha untuk menasaskan pembangunan usahawan untuk sektor florikultur.

Katanya, keupayaan untuk melihat perubahan pada masa hadapan merupakan satu kelebihan yang tidak ternilai sekiranya ia dimiliki oleh usahawan tani biar pun menghadapi risiko yang tinggi.

"Pengurusan yang cekap serta dibantu dengan strategi pemasaran berkesan akan membolehkan pelaburan dalam bidang florikultur mendapat pulangan yang baik," katanya.

Sementara itu, MAFI menasaskan pendapatan berjumlah RM3.5 juta sepanjang 11 hari Pesta Orkid, Flora dan Herba 2022.

Ahmad berkata, sasaran itu mampu dicapai berpandukan kepada jangkakan seramai 300,000 pengunjung akan singgah ke pesta berkenaan.

"Ini merupakan anjuran secara bersempena



Ahmad kagum melihat pokok bonsai yang dipamerkan semasa Pesta Orkid, Flora dan Herba 2022 yang berlangsung di RTC Tunjung.

buat julung kalinya selepas negara merasai fasa peralihan endemik Covid-19," katanya.

Menurutnya, edisi ketujuh yang bermula jam 10 pagi hingga 11 malam itu menampilkan 170 usahawan dari seluruh negara memasarkan hasil pertanian mereka.

Bellau berkata, penganjuran pesta ini secara tidak langsung mampu membantu memulihkan semula ekonomi setempat dalam kalangan masyarakat.

Jelasnya, pada edisi 2019 lalu Pesta Orkid, Flora dan Herba berjaya mencatat nilai keseluruhan jualan berjumlah RM2.6 juta.

"Program bersifat serampang dua mata turut berperanan mempromosikan Ekspo Pertanian, Horikultur dan Agropelancongan Malaysia 2022 (MAHA) yang bakal berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MEAPS) Serdang bermula 4 Ogos," katanya.

Pesta Orkid, Flora & Herba 2022

Bermula 2 Jun hingga 12 Jun 2022 dari jam 10 pagi hingga 11 malam.

Pelbagai aktiviti jualan yang menarik diadakan seperti:

- Jualan pelbagai jenis bunga orkid.
- Jualan Florikultur (baja, anak pokok, pokok bunga dan landskap).
- Jualan Produk Industri Asas Tani.
- Jualan dan pameran pokok bonsai.
- Jualan makanan popular.
- Pendaftaran usahawan Agrobazaar Online.

Pelbagai aktiviti turut disediakan untuk pengunjung, antaranya:

- Persembahan dikir barat.
- Persembahan wayang kulit.
- Ceramah selebriti tersohor.
- Persembahan buskers artis terkenal tanah air.
- Pertandingan bintang flora 2022 (karaoke).
- Pertandingan nasyid peringkat sekolah rendah dan menengah.
- Taman 'garden lights'.
- Taman permainan kanak-kanak (funfair).



Pelbagai jenis buah-buahan segar turut dijual sepanjang pesta diadakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Ayam: Selesai dahulu isu subsidi, pekerja

PETALING JAYA: Isu pemberian subsidi dedak dan tenaga kerja yang membelunggu penternak perlu diselesaikan terlebih dahulu bagi memastikan bekalan ayam sentiasa berterusan.

Pengerusi Persatuan Penternak Manjung, Tan Wooi Peng berkata, kerajaan perlu memainkan peranan dengan membantu mengurangkan bebanan mereka seperti memberikan subsidi dedak ayam atau memastikan kos pembeliannya tidak mengalami peningkatan lagi.

"Saya tidak pasti di negeri lain berapa kuantiti mereka ternak tetapi kami tidak putus membela ayam dan tidak pernah tutup. Hanya ada rehat sehari dua kerana masalah ketiadaan pekerja.

"Jadi selain memberi subsidi dedak ayam bagi memastikan harga ayam itu tidak meningkat, pekerja-pekerja asing juga perlu cepat dibawa masuk kerana kini banyak reban tiada tenaga kerja," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memberi jaminan isu berkaitan bekalan ayam di negara ini akan selesai hasil beberapa pendekatan termasuk libat urus antara Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee bersama pihak berkaitan di lapangan.

Ini susulan terdapat dakwaan sekumpulan kartel industri ternakan ayam didakwa merancang menutup ladang ternakan pada bulan lepas sebagai protes kepada kerajaan yang dikatakan lambat melakukan bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen.

Ia turut dipercayai komplot syarikat-syarikat peladang menutup ladang mereka sehingga menjelaskan bekalan ayam mentah di pasaran adalah cubaan pertama kumpulan 'tangan hitam' itu menuntut harga siling dinaikkan kepada RM9.90 sekilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2022	UTUSAN.COM	ONLINE	

AYAM: SELESAI DAHULU ISU SUBSIDI, PEKERJA

Oleh ARIF AIMAN ASROL

7 Jun 2022, 7:57 am



PEMBERIAN subsidi dedak ayam atau memastikan kos pembeliannya tidak mengalami peningkatan lagi dapat membantu mengurangkan beban penternak.

PETALING JAYA: Isu pemberian subsidi dedak dan tenaga kerja yang membelenggu penternak perlu diselesaikan terlebih dahulu bagi memastikan bekalan ayam sentiasa berterusan.

Pengerusi Persatuan Penternak Manjung, Tan Wooi Perng berkata, kerajaan perlu memainkan peranan dengan membantu mengurangkan bebanan mereka seperti memberikan subsidi dedak ayam atau memastikan kos pembeliannya tidak mengalami peningkatan lagi.

“Saya tidak pasti di negeri lain berapa kuantiti mereka ternak tetapi di sini kami sebagai penternak tidak putus membela ayam dan tidak pernah tutup. Hanya ada rehat sehari dua kerana masalah ketiadaan pekerja.

“Jadi selain memberi subsidi dedak ayam bagi memastikan harga ayam itu tidak meningkat, pekerja-pekerja asing juga perlu cepat dibawa masuk kerana kini banyak reban tiada tenaga kerja,” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Terdahulu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memberi jaminan isu berkaitan bekalan ayam di negara ini akan selesai hasil beberapa pendekatan termasuk libat urus antara Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee dan bersama pihak berkaitan di lapangan.

Ini susulan terdapat dakwaan sekumpulan kartel industri ternakan ayam didakwa merancang menutup ladang ternakan pada bulan lepas sebagai protes kepada kerajaan yang dikatakan lambat melakukan bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen.

Ia turut dipercayai komplot syarikat-syarikat peladang menutup ladang mereka sehingga menjejaskan bekalan ayam mentah di pasaran adalah cubaan pertama kumpulan 'tangan hitam' itu menuntut harga siling dinaikkan kepada RM9.90 sekilogram.

Wooi Perng berkata, JPV sudah banyak membantu penternak-penternak dari segi dokumentasi supaya ia lengkap dan tidak mendatangkan masalah kepada kumpulan tersebut.

"Sekarang ni kerajaan banyak membantu, mana dokumen-dokumen yang salah atau tidak lengkap mereka akan maklumkan pada kami untuk melakukan pembetulan. Mereka tak menyusahkan kan kita tetapi sebaliknya beri tunjur ajar sehingga selesai," ujarnya. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	21

1,163 pesawah terjejas banjir sudah terima bantuan

Pekan: Seramai 1,163 pesawah di daerah ini yang tanaman padi mereka musnah akibat banjir besar akhir tahun lalu, sudah menerima bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP), setakat 31 Mei lalu.

Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan, Muhamad Khalil Idris, berkata RM3.05 juta daripada keseluruhan jumlah bantuan hampir RM3.21 juta, telah dikreditkan ke dalam akaun bank pesawah terbabit.

Bagaimanapun, beliau berkata, 40 lagi daripada keseluruhan 1,203 pesawah yang mengalami kerugian itu, belum menerima bantuan berkenaan.

“Ia disebabkan akaun bank pesawah terbabit tidak aktif, ditutup atau menggunakan akaun oranglain.

“Masalah itu diketahui selepas menerima aduan pesawah terbabit pada 19 Mei lalu berhubung kelewatan bayaran bantuan TBTP,” katanya, di sini, kelmarin.

Justeru, Muhamad Khalil berkata, IADA bersama Agrobank sedang berusaha mengatasi masalah itu, termasuk menjejaki pesawah yang mempunyai akaun bermasalah.

Beliau berkata, pihaknya sudah berhubung dengan pegawai Agrobank bagi mendapatkan penjelasan untuk dimaklumkan kepada semua pesawah terbabit.

“Saya difahamkan RM3.21 juta diluluskan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi TBTP untuk diagihkan kepada 1,203 pesawah di Pekan yang tanaman padi mereka musnah ditenggelami banjir, hujung tahun lalu hingga awal tahun ini, membabitkan kawasan Skim Pahang Tua, Skim Gancong serta Skim Merchong.

“TBTP yang disediakan kerajaan bukan ganti rugi, sebaliknya wang ihsan bagi menampung beban sebahagian kerugian yang ditanggung pesawah terbabit,” katanya.



Muhamad Khalil meninjau keadaan sawah di Pekan.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BFI)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

1,163 PESAWAH PEKAN SUDAH TERIMA RM3.05 JUTA BANTUAN TBTP

Oleh Mohd Rafi Mamat - Jun 6, 2022 @ 5:50pm



PEKAN: Seramai 1,163 pesawah di daerah ini yang tanaman padi mereka musnah akibat banjir besar akhir tahun lalu, sudah menerima bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP), setakat 31 Mei lalu.

Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan, Muhamad Khalil Idris, berkata RM3.05 juta daripada keseluruhan jumlah bantuan hampir RM3.21 juta, telah dikreditkan ke dalam akaun bank pesawah terbabit.

Bagaimanapun, beliau berkata, 40 lagi daripada keseluruhan 1,203 pesawah yang mengalami kerugian itu, belum menerima bantuan berkenaan.

"Ia disebabkan akaun bank pesawah terbabit tidak aktif, ditutup atau menggunakan akaun orang lain.

"Masalah itu diketahui selepas menerima aduan pesawah terbabit pada 19 Mei lalu berhubung kelewatan bayaran bantuan TBTP," katanya, di sini, semalam.

Justeru, Muhamad Khalil berkata, IADA bersama Agrobank sedang berusaha mengatasi masalah itu, termasuk menjejaki pesawah yang mempunyai akaun bermasalah.

Beliau berkata, pihaknya sudah berhubung dengan pegawai Agrobank bagi mendapatkan penjelasan untuk dimaklumkan kepada semua pesawah terbabit.

"Saya difahamkan RM3.21 juta diluluskan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi TBTP untuk diagihkan kepada 1,203 pesawah di Pekan yang tanaman padi

mereka musnah ditenggelami banjir, hujung tahun lalu hingga awal tahun ini, membabitkan kawasan Skim Pahang Tua, Skim Ganchong serta Skim Merchong.

"TBTP yang disediakan kerajaan bukan ganti rugi, sebaliknya wang ihsan bagi menampung beban sebahagian kerugian yang ditanggung pesawah terbabit," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



HASBULLAH Hassan menunjukkan pokok padi di sawahnya yang memerlukan baja untuk tumbesaran di Kampung Alor Berala, Mukim Tobiar, Pendang, Kedah. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

Lewat dapat baja bantut tumbesaran padi

Oleh **MOHD. RIFAAT ABD. HAMID**
utusannews@medlamulla.com.my

PENDANG: Seramai 80 pesawah di Kampung Alor Berala, Mukim Tobiar di sini, kecewa belum menerima bekalan baja subsidi daripada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sedangkan benih padi sudah ditabur sejak April lalu.

Pesawah mendakwa kelewatan bekalan baja itu menyebabkan tumbesaran pokok padi terbantut dan menjejaskan pengeluaran musim ini.

Hasbullah Hassan, 65, berkata, pesawah di kawasan ini yang mengusahakan tanaman padi seluas 20 hektar mula merungut apabila masih tidak menerima bekalan baja subsidi mengikut jadual ditetapkan.

Katanya, kebanyakan petani menabur benih padi April lalu

dan tanaman baharu itu memerlukan baja tersebut.

"Pesawah tidak boleh menunggu bekalan baja dalam tempoh terlalu lama untuk memulakan kerja-kerja menabur benih padi kerana bimbang bekalan air berkurangan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Hasbullah berkata, pesawah sepatutnya menabur baja selepas dua minggu benih padi ditabur.

"Sehubungan itu, saya berharap MADA dapat menyelesaikan masalah ini secepat mungkin kerana jika terlewat anak pokok padi akan kekuningan dan pengeluaran padi berkurangan," ujarnya.

Seorang lagi pesawah, Mat Zohir Shariff, 56, pula berkata, kegagalan pesawah menerima bekalan baja tersebut menyebabkan mereka terpaksa

menggunakan lebih simpanan baja musim lepas.

"Bagaimanapun baja pada musim lalu terhad dan tidak mencukupi untuk kerja membaja bagi musim ini," katanya.

Selain itu, tambahnya, dia tidak mampu untuk membeli baja padi tersebut kerana harganya mahal dan meningkatkan lagi kos tanaman padi.

Sementara itu, Pengerusi Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Mohd. Fuad Yaacob berkata, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebelum ini berjanji menyelesaikan masalah kekurangan bekalan baja selepas 15 Jun ini.

"Semua kilang Nafas dikatakan beroperasi 24 jam untuk menjamin bekalan baja dapat dibekalkan kepada petani secepat mungkin," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2022	UTUSAN.COM	ONLINE	

LEWAT TERIMA BAJA BANTUT TUMBESARAN PADI

Oleh MOHD RIFAAT ABD. HAMID

7 Jun 2022, 8:19 am



HASBULLAH Hassan menunjukkan pokok padi di sawahnya yang memerlukan baja untuk tumbesaran di Kampung Alor Beral, Mukim Tobiar, Pendang, Kedah. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

PENDANG: Seramai 80 pesawah di Kampung Alor Beral, Mukim Tobiar di sini, kecewa belum menerima bekalan baja subsidi daripada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sedangkan benih padi sudah ditabur sejak April lalu.

Pesawah mendakwa kelewatan bekalan baja itu menyebabkan tumbesaran pokok padi terbantut dan menjejaskan pengeluaran musim ini.

Hasbullah Hassan, 65, berkata, pesawah di kawasan ini yang mengusahakan tanaman padi seluas 20 hektar mula merungut apabila masih tidak menerima bekalan baja subsidi mengikut jadual ditetapkan.

Katanya, kebanyakan petani menabur benih padi April lalu dan tanaman baharu itu memerlukan baja tersebut.

“Pesawah tidak boleh menunggu bekalan baja dalam tempoh terlalu lama untuk memulakan kerja-kerja menabur benih padi kerana bimbang bekalan air berkurangan,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Hasbullah berkata, pesawah sepatutnya menabur baja selepas dua minggu benih padi ditabur.

“Sehubungan itu, saya berharap MADA dapat menyelesaikan masalah ini secepat mungkin kerana jika lewat anak pokok padi akan kekuningan dan pengeluaran padi akan berkurangan,” ujarinya.

Seorang lagi pesawah, Mat Zohir Shariff, 56, pula berkata, kegagalan pesawah menerima bekalan baja tersebut menyebabkan mereka terpaksa menggunakan lebih simpanan baja musim lepas.

“Bagaimanapun baja pada musim lalu terhad dan tidak mencukupi untuk kerja membaja bagi musim ini,” katanya.

Selain itu, tambahnya, dia tidak mampu untuk membeli baja padi tersebut kerana harganya mahal dan meningkatkan lagi kos tanaman padi.

Sementara itu, Pengerusi Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Mohd. Fuad Yaacob berkata, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebelum ini berjanji menyelesaikan masalah kekurangan bekalan baja selepas 15 Jun ini.

“Semua kilang Nafas dikatakan beroperasi 24 jam untuk menjamin bekalan baja dapat dibekalkan kepada petani secepat mungkin,” ujarinya. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Bertindak sebagai ah long, memanipulasi harga dan bekalan ikan

Orang tengah kuasai perikanan

Oleh **FAHMI FAIZ**
 utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kewujudan orang tengah mengawal rantaian bekalan sektor perikanan negara menjadi punca harga dan bekalan ikan dan produk akuakultur di negara ini sentiasa tidak stabil.

Mereka bukan sahaja berkuasa membeli ikan pada skala besar, mencorak, menemu serta memanipulasi bekalan dan harga di pasaran negara tetapi juga membangunkan ekosistem perikanan kebal yang tidak mampu ditembusi pesaing baharu.

Modus operandi orang tengah ini cukup halus sehingga didakwa mewujudkan kitaran kejam menindas nelayan-nelayan kecil, sekali gus menjawab persoalan mengapa segelintir nelayan kecil-kecilan hidup miskin sampai terpaksa bergantung kepada bantuan sara hidup kerajaan.

Mendedahkan perkara ini kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussein Hafiz Syed Abdul Fasal berkata,



HASIL tangkapan nelayan didakwa dikuasai oleh orang tengah yang bertindak sebagai pembeli utama bertujuan menguasai pasaran, harga dan bekalan ikan di seluruh negara. - **UTUSAN/PUOTRA HAIRRY**

“Meraka ada kapasiti menyimpan stok ikan sebanyak 4,750 tan metrik ikan pada satu-satu masa, menjangkau penggunaan ikan dalam sehari bagi rakyat Malaysia yang berjumlah empat tan metrik.”

“Ada enam orang tengah ikan seluruh negara. Di pelantar pen-daratan ikan, saya dapati orang tengah itu ialah pemborong-pem-

borong yang sedia ada, mereka sentiasa cuba menghalang agar tiada pemain baru atau pesaing masuk dalam pasaran tersebut. Bot-bot besar dan juga penangkap laut dalam adalah dipunyai oleh kelompok itu.

“Meraka ini menguasai kitaran ekosistem ikan negara. Daripada sumber di laut, sehingga peringkat terakhir iaitu pemasaran kepada rakyat.

“Kemudian, meraka ada kapal laut dalam sendiri jenis C2. Meraka ada kilang beku, kilang proses sendiri. Malah meraka ada sistem pemasaran dan tahu nak jual kepada siapa. Meraka ini bergerak dalam rangkaian yang cukup luas di seluruh negara.

“Ada nelayan di Kedah yang ada kapal laut dalam jenis C2, meraka bawa balik ikan ke darat, tapi meraka tak boleh jual dengan harga yang stabil. Sebaliknya orang tengah yang akan datang dan tawarkan harga tertentu dan nelayan ini terpaksa akur sahaja dengan harga yang ditawarkan, yang semestinya rendah berbanding harga pasaran,” dakwanya.

Rencana


Little Napoleon kacau industri ikan

MUKADIMAH

BARU-BARU ini, akhbar ini mendedahkan stok simpanan ikan negara di bawah penyeliaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berada pada paras kritikal. Laporan itu menyebut bahawa jumlah simpanan ikan negara cuma 322 tan metrik, berbanding keperluan harian sebanyak 4,000 tan metrik.

Susulan pendedahan itu, beberapa pihak tampil membidas laporan tersebut, mendakwa data yang didedahkan bersifat 'meragukan'.

Sehungan itu, wartawan *Utusan Malaysia*, FAHMI FAIZ sekali lagi menemui bual Pengerusi LKIM, DATUK SYED ABU HUSSIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL, bagi mendapatkan penjelasan. Ikuti wawancara mengejutkan ini, yang bertempat di Petaling Jaya, Ahad lalu. Ia merungkil kewujudan kartel ikan yang selama ini menzalimi nelayan malah memudaratkan rakyat.



KEKURANGAN STOK

UTUSAN: Apa sebenarnya isu berkaitan stok simpanan ikan ini?
SYED ABU HUSSIN: Isu kekurangan stok ikan sebenarnya isu yang kerap berlaku disebabkan oleh pendaratan ikan. Ini bergantung kepada musim, bila tengkujuh dan nelayan tidak ke laut, maka ikan akan berkurangan.

Oleh kerana ini isu yang kerap berlaku, maka saya selama dua tahun dalam LKIM telah banyak kali menyebutkan tentang stok simpanan ikan. Daripada awal pelantikan saya pada 1 Mei 2020 saya telah sebutkan. Jadi ketika ini saya agak kecewa tentang isu kenaikan harga ikan disebabkan oleh pengurangan pendaratan ikan.

Kenapa kecewa?

Kerana ini isu yang sering berlaku dan saya sudah bercakap dalam mesyuarat ahli lembaga pengarah, untuk para pegawai LKIM melaksanakan apa *back up plan* jika berlaku pengurangan ikan. Caranya adalah dengan penyimpanan stok ikan. Sebenarnya LKIM dan persatuan-persatuan nelayan tidak mempunyai stok simpanan ikan.

Apa bukti dakwaan ini?

Saya berada sebagai Pengerusi LKIM, saya telah membuat lawatan di semua tempat. Kita ada fasiliti kira-kira 1,500 tan metrik, ini bilik sejuk yang boleh menampung

simpanan ikan sebanyak itu pada satu-satu masa. Kita juga ada kilang memproses ikan beku, dua buah di Besut milik LKIM dan di Kuala Kedah di bawah Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT). Malah kita juga ada kilang memproses isi ikan di Besut dan Kuala Kedah.

Apa sebenarnya proses yang perlu dilakukan untuk menyimpan stok ikan?

Pertama ialah kapasiti untuk membeli. Maka ada kaedah pembelian yang sudah dirangka oleh kerajaan. Kedua, jika LKIM beli daripada nelayan di kala ikan tengah banyak, harganya akan lebih murah dan nelayan juga akan dapat harga berpatutan oleh kerana kerajaan yang beli. Selepas dibeli, LKIM boleh jual terus kepada rakyat, diedarkan sama ada restoran-restoran di bawah naungan LKIM atau di pasar-pasar nelayan LKIM yang berjumlah 135 buah seluruh negara.

Dan untuk *long life* punya penyimpanan supaya kita ada *back up plan* ketika ikan kurang, bentuk penyimpanan ialah sejuk beku. Yang mana kaedah ini dilaksanakan di seluruh dunia. Ikan salmon pun dihantar kepada kita dalam bentuk sejuk beku.

Adakah kaedah menyimpan lain?

Kita juga boleh simpan dalam bentuk ikan yang sudah diproses. Sebab kita ini mempunyai industri keropok yang besar, jadi kita perlukan *surimi* iaitu isi ikan. Ini juga

boleh diproses dan disimpan. Bila kita simpan, dan bila berlaku musim tengkujuh, ribut atau musim ikan kurang, maka inilah *back up plan*. Kita keluarkan daripada stok simpanan, kita edarkan dan kita bantu rakyat dengan harga berpatutan.

Berapa kapasiti kerajaan untuk simpan ikan?

Di bawah LKIM, kapasitinya lebih kurang 1,500 tan metrik. Manakala purata penggunaan ialah 4,000 tan metrik sehari, iaitu anggaran 120,000 tan metrik sebulan seluruh negara.

Bukankah kapasiti simpanan ikan dan penggunaan tidak seimbang?

Yang paling menyedihkan saya ialah, walaupun kita ada kapasiti 1,500 tan metrik, pada hari kita buat wawancara ini (5 Jun), simpanan ikan kita ada cuma kira-kira 300 tan metrik saja. Bermakna, cuma lapan peratus berbanding keperluan sehari iaitu 4,000 tan metrik.

KARTEL IKAN

Apa yang berlaku dalam LKIM sampai Datuk pergi kepada media?

Iaitu Lembaga ini sendiri tidak buat persediaan langsung untuk berhadapan dengan krisis bekalan makanan. Ini soal keselamatan negara! Ini yang saya bimbang, sudah dua tahun saya bercakap untuk diangkat di peringkat dalaman.

Tapi nampaknya sehingga sekarang masih belum dilaksanakan. Jadi saya lebih bertanggungjawab kepada

rakyat, biar saya maklumkan kepada rakyat melalui *Utusan Malaysia*, supaya kamu boleh jadi kuasa pendesak untuk memastikan masa depan rakyat untuk mendapat sumber protein negara mencukupi dengan harga berpatutan.

Bagaimana ekosistem industri perikanan negara?

Ekosistem ini, apabila tiada ikan orang selalu dimomokkan dengan peranan kartel atau orang tengah. Sebenarnya peranan orang tengah atau kartel ini memang ada. Melalui pengalaman saya sebelum ini yang terlibat dalam perniagaan ikan, membekalkan ikan kepada agensi kerajaan, saya pergi ke pasar borong untuk beli ikan. Peniaga-peniaga di pasar borong memaklumkan kepada saya, kenapa kamu susah-susah pergi cari ikan di pasar?

Kamu tidur, kamu sub sahaja kepada saya, saya boleh bagi kamu keuntungan 10 peratus. Jadi bila saya dengar, saya merasakan bahawa kalau mereka bagi saya 10 peratus, sudah tentu mereka dapat untung 20 ke 30 peratus. Jadi saya mula membuat usaha menyasat, mengorek secara mendalam permasalahan babitkan orang tengah ini. Untuk cari jawapan, di mana sebenarnya sumber yang patut saya dapatkan? Sebab di pasar borong, harganya mahal. Jadi saya usaha cari, akhirnya saya ke pelantar pendaratan.

Apa berlaku di sana?

Kalau kita beli di pelantar

pendaratan, harga ikannya jauh lebih murah daripada di pasar. Tapi di sinilah saya dapati wujudnya kartel. Itulah pemborong-pemborong yang sedia ada, mereka sentiasa cuba menghalang agar tiada pemain baru atau pesaing masuk dalam pasaran tersebut. Dan bentuk ekosistem di sana ialah, pertama bot-bot besar dan juga penangkapan laut dalam adalah dipunyai oleh pemain bukan Melayu. Mereka mempunyai rangkaian dan rantaian sehingga ke pasar-pasar. Jadi sebagai pengusaha baharu, saya tak boleh menembusi rangkaian sedia ada, rantaian ini terlalu mustahil untuk saya tembusi. Jadi saya cari jalan sehingga bertemu nelayan-nelayan kecil. Bila jadi macam itu, saya boleh beli ikan tapi tak cukup.

Kenapa?

Kalau ambil secara borong dari nelayan, kita kena ambil *landing rights*, ambil semua. Sebab nelayan yang turun ke laut, mereka tak berniaga. Bila sampai ke darat bawa ikan, mereka akan terus tolak ikan. Jadi waktu itu saya tiada kapasiti untuk ambil semua sebab ikan ini ada beberapa bentuk.

Pertama, ikan yang boleh dijual terus. Jenis itu, peniaga akan jual terus di pelantar. Kedua, ikan yang kena kapasiti untuk ambil semua diambil dan diedar, inilah ikan rakyat. Ketiga, ikan-ikan kecil yang tidak digunakan untuk makanan rakyat, tapi digunakan oleh industri untuk menghasilkan isi ikan proses.

Keempat ialah ikan-ikan kecil yang dipanggil ikan baja. Ini digunakan untuk membuat makanan haiwan atau diproses sebagai baja tanaman. Jadi saya punya kapasiti hanya nak beli dan pasarkan, jadi saya tak boleh beli satu kapal. Maka di sinilah kartel itu berlaku.

Sejauh mana kartel ikan ini berkuasa?

Mereka datang dengan membantu nelayan, sebab itu mereka berkuasa. Saya datang hanya untuk beli. Bila wujudnya kartel, maka berlaku permainan orang tengah. Maksudnya, nelayan tidak akan mendapat harga yang sepatutnya mereka dapat, berbanding ikan yang dijual di pasaran. Orang tengah mengambil keuntungan yang sangat tinggi. Dalam ekosistem perikanan, di situ lah berlaku kartel. Iaitu kapasiti membeli telah pun dikartelkan. Ia tak semudah pergi untuk beli secara borong, tak boleh. Yang hanya boleh melakukan ini ialah agensi kerajaan dan kerajaan itu sendiri.

PECAHKAN KARTEL

Nampaknya kerajaan saja yang mampu memecahkan dominasi kartel ikan?

Sepatutnya tidak boleh berlaku kartel. Kerajaan kena



SYED Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal di temu bual wartawan Utusan Malaysia, Fahmi Faiz di Petaling Jaya, kelmarin.

pastikan kartel tidak berlaku kerana kartel ini pertamanya, mereka menzalimi nelayan, kedua mereka menzalimi rakyat kerana memainkan harga ikan di pasaran. Kalau kerajaan mahu pastikan ikan di pasaran dapat dibeli dengan harga berpatutan, maka kerajaan perlu pecahkan kartel ini.

Macam mana?

Kerajaan mesti menjadi agensi pembeli, itulah yang saya perjuangkan. Beli, proses, simpan dan edar. Sebab kartel ini telah mempunyai rangkaian pasar untuk diedarkan. Mereka ada rangkaian kilang-kilang sejuk beku untuk bekukan dan

simpan ikan. Mereka ada rangkaian kilang proses ikan untuk dijadikan ikan keping beku. Mereka juga ada kilang makanan haiwan iaitu ikan baja, malah mereka juga ada rangkaian kilang baja tanaman menggunakan ikan. Mereka juga ada kilang untuk buat isi ikan.

Bagaimana modus operandi mereka?

Pertama, mereka ini menguasai kitaran ekosistem ikan negara. Dari sumber di lautan, sehingga peringkat terakhir iaitu pemasaran kepada rakyat. Contohnya, ada antara kartel mempunyai jeti pendaratan ikan swasta milik mereka sendiri. Kemudian, mereka ada kapal laut dalam jenis C2. Mereka ada kilang beku, kilang proses sendiri. Malah mereka ada sistem pemasaran dan tahu nak jual kepada siapa. Mereka ini bergerak dalam rangkaian yang cukup luas di seluruh negara. Misalnya di Perak pun, boleh tengok betapa besarnya kilang pemrosesan mereka untuk produk ikan.

Sejauh mana penguasaan mereka terhadap industri ikan negara?

Contohnya, ada nelayan di Kedah yang ada kapal laut dalam jenis C2, mereka bawa balik ikan ke darat, tapi mereka tak boleh jual dengan harga yang stabil. Sebaliknya kartel yang akan datang dan tawarkan harga tertentu dan nelayan ini terpaksa akur sahaja dengan harga yang ditawarkan kartel, yang semestinya terjalu rendah berbanding harga pasaran.

KEHIDUPAN NELAYAN DUA DARJAT

Masalah ini salah kerajaan atau kartel?

Setelah saya menelusuri kawasan laut dan sungai sepanjang saya menjadi Pengerusi LKIM, saya lihat kehidupan nelayan terbahagi kepada dua darjat. Maksudnya, yang kaya terlalu kaya, yang miskin papa kedana.

Nelayan bukan Melayu, biasanya di perkampungan mereka, bangunannya tinggi-tinggi, kapal mereka besar-besar. Kampung nelayan Melayu pula, bangunannya kecil-kecil, papan rumah dan bangunan robek belaka. Saya bangkitkan isu kehidupan dua darjat nelayan ini di dalam Parlimen.

Di kawasan saya di Bukit Gantang, Perak, ada dua perkampungan nelayan bukan Melayu di Kuala

Setepang dan Bagan Pahchor, terlihat dengan nyata bagaimana megah bangunan dan kapal-kapal yang mereka miliki. Tapi bagi kawasan kampung nelayan Melayu kecil-kecil, mereka sangat susah sehingga kerajaan terpaksa sediakan bantuan wang sara hidup bulanan sebanyak RM300. Inilah kesan akibat peranan orang tengah dan kartel.

Apa langkah yang perlu diambil?

Kena melaksanakan perubahan secara skala industri. Kerajaan sudah menyediakan sebanyak RM50 juta untuk transformasi industri perikanan, terutama daripada bot kecil kepada bot besar. Bila peluang-peluang ini diberikan kepada orang Melayu, masalahnya adalah mereka tiada modal langsung, tiada tanah untuk dicagarkan

sebagai membuat modal awal. Ini sudah berturut-turut daripada beberapa generasi. Di sini mereka biasanya akan bergantung kepada orang tengah dari segi mendapatkan modal. Inilah kartel. Jadi biasanya ikan yang ditangkap oleh nelayan akan diambil oleh orang tengah dan harga akan dimaklumkan kemudian.

KERAJAAN BELI IKAN

Langkah lain?

Kerajaan mesti ada kapasiti untuk membeli ikan daripada nelayan-nelayan. Ini belum dibuat lagi. Kerajaan setiap tahun ada peruntukan, berpuluh juta untuk membuat pembelian stok tapi tiada pelaksanaan. Inilah yang saya bangkitkan, iaitu masalah birokrasi, birokrasi.

Malas, sabotaj atau dibela pihak kartel?

Mengambil sikap

mudah, tidak merasa bertanggungjawab membela masa depan negara. Malah mungkin ada juga berlaku 'Napoleon kecil' dalam LKIM. Maksudnya bila pengerusi baharu dilantik, maka persepsi negatif akan berlaku, apa pengerusi baharu ini nak buat? Bila saya masuk sebagai pengerusi, sebab latar belakang saya yang mendorong saya bersikap *result oriented* dan saya melihat kepada produktiviti dan hasil.

Jadi bila berlaku kekosongan mana-mana jawatan, saya memberikan pandangan kepada menteri untuk mencadangkan siapa yang lebih kompeten untuk memimpin. Jadi mungkin ada yang tidak bersetuju dengan cadangan saya, maka mereka menunjukkan sikap dengan tidak mengikut apa-apa keputusan yang

dibuat oleh ahli lembaga pengarah, ataupun arahan daripada Ketua Pengarah (KP). Inilah yang saya maksudkan sebagai 'Napoleon kecil'. Malangnya, yang merosakkan lagi ialah mereka berani memberi maklumat yang salah kepada kerajaan. Contohnya bila berlaku kekurangan ikan, bila Kementerian tanya, mereka akan menjawab kita ada stok 5,000 tan metrik. Tapi sebenarnya stok ini tak pernah ada.

Apa yang Datuk akan buat?

Saya akan ambil satu tindakan drastik. Saya beri tempoh sebulan dari sekarang untuk KP LKIM selesaikan dan semoga dalam tempoh itu masalah birokrasi ini akan berjaya dibanteras dan proses pembelian ikan untuk stok akan dibuat secara sistematik dan lancar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

12

UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 7 JUN 2022

Dalam Negeri

Kembali subsidi minyak bantu nelayan C2 tingkat tangkapan

Oleh ARIF AIMAN ASROL
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan diminta menimbang semula pemberian subsidi minyak kepada bot nelayan kelas C2 kerana golongan tersebut adalah penyumbang terbesar tangkapan ikan dalam negara berbanding kelas-kelas lebih kecil yang menerima keistimewaan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Hamid Bahari berkata, bot-bot C2 memerlukan tidak kurang daripada RM45,000 untuk minyak diesel bagi 10,000 liter berbanding minyak yang diberi subsidi yang mana ia jauh lebih murah untuk nelayan kategori lain.

Katanya, harga seliter minyak diesel RM4.70 berbanding bot kelas A, B dan C iaitu pengusaha-pengusaha bot tersebut mendapat minyak subsidi pada RM1.65 seliter.

"Kalau kerajaan beri subsidi kepada nelayan C2, saya amat yakin dalam masa terdekat keadaan bekalan ikan dalam negara kembali pulih secepat mungkin.

"Ia terjadi kerana halangan dihadapi oleh nelayan-nelayan C2 yang pada dasarnya penyumbang besar dalam membantu bekalan ikan negara," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar melaporkan, Kementerian Pertanian dan



BOT nelayan kelas C2 menjadi penyumbang terbesar tangkapan ikan dalam negara.

Industri Makanan (MAFI) merangka beberapa strategi jangka panjang termasuk memperkasa industri input kepada makanan ternakan alternatif serta pemodenan dan digitalisasi sistem makanan.

Bagi strategi jangka pendek pula, ini termasuk memperkasa program kebuntian termasuk kempen makan ikan air tawar seperti keli, tilapia, lampam sungai dan udang galah bagi menggalakkan

konsumer mengetahui resipi dan jenis makanan yang sesuai.

Hamid berkata, kerajaan perlu merangka strategi bagi menjamin bekalan ikan dalam negara dapat memenuhi permintaan masyarakat ketika musim 'kemarau' sumber protein itu.

Katanya, negara perlu penambahbaikan dari segi memastikan bekalan makanan terjamin terutama melalui penambahan ikan.

"Kerajaan perlu menyediakan

peruntukan kepada Nekmat atau mana-mana sahaja usahawan yang perlu diketengahkan bagi mengimbangi masalah bekalan ikan dalam negara seperti ketika ini.

"Kita boleh lakukan proses pembekuan ikan secara individual quick freezing (IQF) iaitu sejuk beku ikan ketika musim lambakan untuk simpan stok dan dinyahbekukan semasa musim ikan berkurangan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2022	UTUSAN.COM	ONLINE	

KEMBALI SUBSIDI MINYAK BANTU NELAYAN C2 TINGKAT TANGKAPAN IKAN

Oleh ARIF AIMAN ASROL



BOT nelayan kelas C2 menjadi penyumbang terbesar tangkapan ikan dalam negara.

PETALING JAYA: Kerajaan diminta menimbang semula pemberian subsidi minyak kepada bot nelayan kelas C2 kerana golongan tersebut adalah penyumbang terbesar tangkapan ikan dalam negara berbanding kelas-kelas lebih kecil yang menerima keistimewaan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Hamid Bahari berkata, bot-bot C2 memerlukan tidak kurang daripada RM45,000 untuk minyak diesel bagi 10,000 liter berbanding minyak yang diberi subsidi yang mana ia jauh lebih murah untuk nelayan kategori lain.

Kataya, harga seliter minyak diesel RM4.70 seliter berbanding bot kelas A, B dan C iaitu pengusaha-pengusaha bot tersebut mendapat minyak subsidi pada RM1.65 seliter.

“Kalau kerajaan beri subsidi kembali kepada nelayan C2, saya amat yakin dalam masa terdekat keAdaan bekalan ikan dalam negara kembali pulih secepat mungkin.

“Ia terjadi kerana halangan dihadapi oleh nelayan-nelayan C2 yang pada dasarnya penyumbang besar dalam membantu bekalan ikan negara,” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Terdahulu, akhbar melaporkan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) merangka beberapa strategi jangka panjang termasuk memperkasa industri input kepada makanan ternakan alternatif serta pemodenan dan digitalisasi sistem makanan.

Bagi strategi jangka pendek pula, ini termasuk memperkasa program kebuniti termasuk kempen makan ikan air tawar seperti keli, tilapia, lampam sungai dan udang galah bagi menggalakkan konsumer mengetahui resipi dan jenis makanan yang sesuai.

Hamid berkata, kerajaan perlu merangka strategi bagi menjamin bekalan ikan dalam negara dapat memenuhi permintaan masyarakat ketika musim ‘kemarau’ sumber protein itu.

Katanya, negara perlu penambahbaikan dari segi memastikan bekalan makanan terjamin terutama melalui penambahan ikan.

“Kerajaan perlu menyediakan peruntukan kepada Nekmat atau mana-mana sahaja usahawan yang perlu diketengahkan bagi mengimbangi masalah bekalan ikan dalam negara seperti ketika ini.

“Kita boleh lakukan proses pembekuan ikan secara individual quick freezing (IQF) iaitu sejuk bekukan ikan ketika musim lambakan untuk simpan stok dan dinyahbekukan semasa musim ikan berkurangan,” katanya. – UTUSAN

Pelan mitigasi komprehensif hadapi krisis tepung

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu pelan mitigasi komprehensif hadapi kemungkinan kekurangan bekalan tepung enam bulan lagi.

Ketua Penerangan PAS, Senator Ir Ts Haji Khairil Nizam berkata, pelan mitigasi ini mesti diadakan agar risiko kewujudan 'bom jangka' dapat diminimumkan impaknya sekecil yang mampu.

"Paling utama, kerajaan tidak harus merasa 'terlalu yakin' akan berterusan memperoleh bekalan yang diimport, sebaliknya mesti memiliki jangkaan paling ekstrem," katanya kepada *Harakah*, Rabu.

Menurut beliau, polemik bekalan dan harga tepung gandum telah berlarutan sejak lebih setahun lalu tidak utuh seperti barah yang secara perlahan-lahan sedang ke tahap kritikal.

"Situasi ini tidak dapat dielak turut disumbang kesan pandemik Covid-19 dan Perang Rusia-Ukraine.

"Terbaharu, India pula mengumumkan larangan eksport gandum; antara sebabnya kesan perubahan iklim sekali gus menyaksikan harga global komoditi itu naik mendadak 60 peratus. Bener, Malaysia tidak mengimport dari negara itu,



Senator Ir Ts Haji Khairil Nizam

tetapi tempas sedunia pasti melanda semua.

"Sungguhpun India menyatakan larangan itu hanya bersifat 'sementara', ramai sudah berpengalaman menyaksikan masalah seperti ini akan menjangkau satu tempoh sangat lama. Lalu ia menyebabkan masalah yang berantainya dan memberikan akibat buruk pihak-pihak berkeperluan," katanya.

Beliau berkata, walaupun import Malaysia 80 peratus dari Australia dan bakiunya dari Amerika Syarikat, Kanada, Ukraine dan Rusia, siren-siren amaran untuk bekalan terputus sudah semakin jelas menjerit.

Apatah lagi, katanya pada aspek harga, Bank Dunia juga meramal ia akan meningkat



Pelan mitigasi komprehensif mesti diadakan agar risiko kewujudan 'bom jangka' dapat diminimumkan impaknya sekecil yang mampu.

40 peratus tahun ini.

"Hampir semua negara dunia memerlukan gandum sama ada bijirin mahupun tepung di mana ia menjadi antara pengambilan makanan terbanyak dan penting selepas ruij asasi di setiap benua.

"Difahamkan, permintaan tepung gandum di negara ASEAN sentiasa meningkat. Malaysia sendiri, roti dan pastri pembuatan tangan sahaja dianggarkan bernilai lebih RM3 bilion.

"Ia tidak termasuk yang berada di tahap industri, menunjukkan besar dan ramainya terlibat dengan penggunaannya. Hatta aneka kuih-muih, mi hinggalah varnisi 'colek' perlukan tepung.

"Bayangkan operasi perniagaan berkenaan terpaksa dihentikan kerana dimaklumkan bekalan sedia ada hanya mampu bertahan untuk tiga atau empat bulan sahaja lagi. Kekurangan bekalan dijangka berlaku enam bulan dari sekarang, itupun jika tidak berlaku pembelian panik," ujarnya.

Menurut Khairil, kemungkinan terburuk boleh terjadi kesan domino seperti mana 'pengajaran' yang dialami dalam isu bekalan dan harga ayam baru-baru ini.

"Apa juga bakal terjadi, kerajaan diharap konsisten prihatin menjaga kepentingan rakyat dan penyumbang industri makanan ini," katanya.

Kecilkan saiz import, majukan pertanian sendiri

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu serius pastikan negara tidak terlalu bergantung kepada negara luar terutama dalam stok makanan asas.

Ketua Pemuda PAS Selangor, Ustaz Syukri Omar berkata, pengeluar dan usahawan tempatan perlu diberi peluang mengembangkan pengeluaran agar negara mempunyai kekuatan bekalan jaminan makanan sendiri.

Katanya, terlalu banyak bergantung kepada negara luar adalah kelemahan negara terutama jika bekalan asas mampu ditusahakan sendiri.

"Kecilkan saiz import dengan memajukan sektor pertanian negara sendiri.



Ustaz Syukri Omar

"Kenaikan harga secara global buat masa ini pasti akan berlaku kerana faktor

inflasi global dan krisis disebabkan peperangan antara negara yang terbabit.

"Namun kerajaan boleh utamakan pengeluaran barangan tempatan. Inilah masanya menaikkan barangan tempatan dan ekonomi pengusaha sendiri," katanya kepada *Harakah*, pada Rabu.

Asasnya dalam apa jua situasi, kata beliau, negara perlu merangsang ekonomi dari pemain tempatan.

"Dari segi perancangan jangka panjang, pastikan kecukupan dengan menjadi negara pengeluar sekali gus pengeksport terutama barangan makanan asas," katanya.

Pada masa yang sama,

kata beliau, kerajaan perlu proaktif mengenal pasti secara lebih dekat punca masalah sama ada masalah kenaikan harga dan ketidakcukupan bekalan.

"Dalam isu bekalan tepung gandum ini atau manamana jaminan stok makanan, setiap masalah bekalan makanan perlu diselesaikan dengan kesesuaian punca masalah.

"Jika kerana negara pengeksport yang sedia ada tidak lagi mampu mengeksport maka kerajaan wajar kenal pasti negara lain yang menjadi pengeksport tepung gandum agar tidak terlalu bergantung kepada satu negara sahaja," katanya.

Sampai bila nak import makanan?

Oleh EVA NATASHA SADALI

RAMAI yang mula bimbang keadaan krisis bekalan makanan dihadapi negara ketika ini apabila ia mempengaruhi kenaikan harga barangan asas seperti ayam dan tepung.

Konflik bekalan makanan bukan saja dirasai Malaysia, bahkan membabitkan semua negara dunia ekoran peningkatan kos pengeluaran, termasuk pengeluaran.

Ini sekali gus memberikan kesan terhadap kadar inflasi negara dan menjejaskan negara serta rakyat.

Berdasarkan data terkini dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), inflasi Malaysia pada 2021 meningkat sebanyak 2.5 peratus yang didorong akibat kenaikan harga makanan dan bahan api.

Kenalkan harga

Peningkatan itu juga lebih tinggi berbanding 0.7 peratus yang direkodkan sebelum pandemik Covid-19 pada 2019.

Sebanyak 184 item makanan daripada keseluruhan 552 item dalam bakul Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan kenaikan.

Peningkatan harga komoditi global memberi kesan kepada inflasi makan-

an, ia secara tidak langsung mempengaruhi harga stok makanan halwan seperti dedak yang memberi kesan terhadap peningkatan harga ayam semasa.

Kenaikan harga barang turut dipengaruhi oleh nilai mata wang ringgit yang menjadikan harga barangan import termasuk makanan menjadi lebih mahal.

Walaupun kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menetapkan harga siling runcit ayam standard RM8.90 sekilogram.

Penurunan harga runcit ayam mentah itu merupakan kali ketiga selepas ditetapkan pada RM9.50 semasa perayaan Deepavali, RM9.30 ketika SHMKM dari 7-31 Disember 2021 serta RM9.10 semasa Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) dari 1 Januari hingga 4 Februari 2022.

Walaupun terdapat pelbagai usaha dilakukan kerajaan bagi mengawal kenaikan harga ayam tersebut, tetapi seolah-olah gagal apabila peniaga dilihat menaikkan harga makanan asas itu melebihi harga siling dengan alasan perlu menanggung pelbagai kos.

Tidak menafikan peniaga juga perlu mendapatkan keuntungan, tetapi jika harga ayam mencecah RM13

bagi sekilogram, seakan-akan 'menjerut' pengguna.

Memahami stok bekalan ayam mentah sukar diperolehi, kerajaan perlu memainkan peranan untuk mengawal rantaian makanan daripada hierarki bermula daripada pembekal stok makanan haiwan.

Namun, ada juga dakwaan yang mengatakan wujud pihak tertentu (kartel) yang cuba untuk memonopoli pasaran ayam ini dengan menghadkan pengeluaran anak ayam. Sejuah mana kebenarannya, alhamdulillah.

Menurut laporan media terkini, KPDNHEP akan memastikan pelaksanaan arahan kerajaan kepada agensinya, Suruhanjaya Persewaan Malaysia (MyCC) untuk membuat silasat berterusan bagi memastikan tiada wujudnya kartel dalam pakatan menentukan harga ayam dan telur.

Satu usaha yang baik daripada kerajaan dan masa ke masa agar tiada ruang untuk wujud kartel-kartel yang memonopoli barang makanan lain.

Sekuriti makanan

Di samping itu, sekuriti bekalan makanan negara perlu distabilkan dengan tidak hanya bergantung sepenuhnya kepada hasil import seperti beras daripa-

da Vietnam dan Thailand.

Tindakan India yang menyekat eksport gandum ke pasaran global termasuk Malaysia secara tidak langsung memberi kesan terhadap sekuriti bekalan makanan negara.

Ketika negara Asia lain sudah mampu mengeksport beras, berbeza pula dengan Malaysia yang masih perlu mengimport makanan ruji itu bagi menampung keperluan penduduknya.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Anuar Shah Bali Mahomed, bersejua bahawa kerajaan perlu melaksanakan dasar drastik untuk mengurangkan secara signifikan pengimportan barangan dari luar negara.

"Selagi kita masih bergantung pada barangan import, selagi itu masalah tidak selesai sekiranya krisis makanan pada peringkat global berlaku.

"Saya bagi contoh gandum, ada negara yang meningkatkan lebih 40 peratus pengimportan gandum. Disebabkan India menghentikan pengeksportan gandum, banyak negara yang bergantung pada India telah pergi ke negara lain seperti Australia yang Malaysia dapatkan bekalan."

"Yang kedua, nilai mata wang negara ketika ini be-

rada dalam keadaan lemah. Justeru, kecenderungan untuk harga gandum naik dengan signifikan adalah amat berpotensi."

"Berikutan kita import dari luar negara, sebab itulah situasi ini berlaku. Jadi, semua barang yang membabitkan tepung gandum akan naik harga sebab harga gandum naik."

Antara inisiatif segera yang boleh dilakukan kerajaan ialah menggalakkan rakyat menanam pelbagai jenis sayur-sayuran secara besar-besaran yang boleh mendatangkan hasil dalam masa singkat.

Tampung permintaan

Untuk rekod, negara memerlukan tiga juta tan beras setahun untuk menampung permintaan, tetapi hanya mampu mengeluarkan hanya kira-kira dua juta tan.

Ini bermakna, Malaysia terus bergantung kepada beras import terutama dari Vietnam dan Thailand. Keadaan ini agak berbahaya andai negara pembekal menamatkan penjualan mereka atau menaikkan harga beras.

Keadaan ini juga kritikal apabila Kedah, iaitu negeri jelapang padi yang menyumbang kira-kira 40 peratus pengeluaran beras negara, berdepan pelbagai masalah yang melanda in-

Komen Editor

dustri padi ketika ini, sehingga menjejaskan pengeluaran beras negara.

Lebih merungutkan, hasil tanaman seperti kelapa, mangga, kambing dan lembu boleh ditanam dan ditanam di negara ini. Kelapa bukan anggur. Kita juga import kopi, bawang, kentang, sotong, susu segar, kobis bulat, cili, dan halia.

Sebagai rekod, pada 2020, Malaysia mengimport produk makanan bernilai RM55.5 bilion. Defisit import kepada eksport makanan naik paling pantas iaitu 24 peratus atau RM21.7 bilion.

Pada tahun yang sama, kos terkumpul import makanan negara adalah RM482.8 bilion atau tujuh kali ganda peruntukan pembangunan dalam bajet 2021 dalam tempoh 10 tahun.

Malaysia kini terlalu bergantung kepada import walaupun negara ini subur dan jutaan ekar tanah tidak dimanfaatkan.

Sudah tiba masanya, peranan setiap kerajaan negeri perlu digembeng bagi menangani isu bekalan makanan ini.

Misalnya kempen menanam padi di kawasan tanah paya terbiar di seluruh negara perlu digerakkan bagi menjamin dan meningkatkan pengeluaran beras dalam negara atau sekuriti makanan.

Dilema 'food security' dan pertanian yang terkesamping

Oleh IBNU JANIE

ADA masanya kita melihat bagaimana sesebuah negara itu yang boleh mengeluarkan sesuatu produk tetapi mereka tidak mengeluarannya, sebaliknya mengimport dari negara lain. Mengapa jadi begitu?

Ia sebenarnya adalah kerana 'kelebihan mutlak' (absolute advantage), iaitu kemampuan sesebuah negara itu untuk mengeluarkan sesuatu produk jauh lebih murah atau lebih cekap berbanding negara yang lain.

Sebagai contoh, katah negara A dan negara B, kedua-duanya mampu mengeluarkan televisyen dan almari. Katah negara A mengeluarkan televisyen dengan kos sebanyak RM1000 sebuah, tetapi negara B mengeluarkan televisyen yang sama dengan kos sebanyak RM1500 sebuah.

Negara A mengeluarkan

almari dengan kos sebanyak RM500 sebuah, tetapi negara B mengeluarkannya dengan kos sebanyak RM300 sebuah. Jadi secara kasarnya Negara A lebih cekap mengeluarkan televisyen sementara Negara B lebih cekap mengeluarkan almari. Cekap di sini bermaksud dengan kos yang lebih rendah.

Jadi, mengikut prinsip 'kelebihan mutlak', lebih baik negara A menumpukan kepada pengeluaran televisyen dan membeli almari dari Negara B kerana lebih murah berbanding mengeluarkan sendiri. Negara B pula akan menumpukan kepada pengeluaran almari dan membeli televisyen dari Negara A yang harganya lebih murah berbanding mengeluarkan sendiri.

Sebenarnya inilah yang menyebabkan mengapa negara kita terpaksa mengimport sesetengah barang makanan daripada negara

lain. Sebagai contoh kita boleh lihat bagaimana harga daging lembu sejuk beku yang diimport jauh lebih murah berbanding dengan harga daging lembu segar yang dijual di negara kita.

Namun, seperti yang sedang kita hadapi kini, pergantungan bekalan makanan kepada negara asing telah menyebabkan kita menerima kesan apabila berlaku krisis makanan di negara pembekal.

Selain itu perubahan 'minat' negara kepada sektor pertanian juga menyumbang kepada masalah 'food security'. Pada era Scan dan goan dahulu, Malaysia dalam proses transformasi daripada negara pertanian kepada negara industri.

Dalam masa itu sedikit demi sedikit sektor pertanian 'diluputkan'. Sekali pun permodenan turut berlaku dalam bidang pertanian namun sektor pertanian itu sendiri dilihat semakin terkesamping se-

cara tidak rasmi.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sektor pertanian ini adalah sektor yang mempunyai banyak, kekekangan. Lihat apa yang berlaku pada industri sawit. Walau pun kenaikan harga sawit berterusan telah mengembirakan para petani dan pedagang sawit namun ia menjadi bencana pula pada pengguna secara umum.

Kenaikan harga buah sawit sudah pasti akan meningkatkan harga minyak sawit mentah dan seterusnya harga minyak masak sawit itu sendiri. Ia mewujudkan dilema besar pada industri ini.

Begitu juga dengan pesawah padi. Kita tentu tidak dapat mewujudkan satu keadaan di mana harga padi meningkat setiap tahun yang dapat mengembirakan para pesawah, tetapi dalam masa yang sama harga runcit beras sebagai makanan ruji rakyat Malay-

sia kekal rendah.

Ia mewujudkan satu paradoks atau suasana yang serba tidak kena. Jadi untuk menggembirakan petani dan pengguna maka perlunya elemen subsidi dalam industri pertanian ini. Keperluan kepada subsidi menunjukkan sektor ini tidak mampu menanggung kos berbanding harga jualan.

Ini menjadikan sektor ini kurang menarik kepada pemodal-pemodal yang mahu menjalankan perniagaan yang mereka ada kebebasan dalam soal penentuan harga pasaran untuk mendapat keuntungan yang optimum.

Pada pendapat penulis, industri pertanian ini, walau pun berdepan dengan kekekangan kos akibat kesan kelebihan mutlak, skala ekonomi dan harga pasaran yang dikawal, namun jika dilakukan kajian dan penyelidikan secara intensif kita mungkin dapat men-

Kerajaan ambil pendekatan berhati-hati isu bekalan makanan

KUALA LUMPUR - Kerajaan mengambil pendekatan berhati-hati terhadap perkembangan global, terkininya isu bekalan makanan dan kenaikan harga bahan makanan yang menjejaskan kesejahteraan Keluarga Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, bagi menangani krisis ekonomi yang berlaku akibat pandemik dan konflik Rusia-Ukraine, kerajaan telah merangka tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk menstabilkan bekalan dan harga makanan.

Ismail Sabri menjelaskan, krisis berkenaan mengakibatkan Malaysia, rantau Asia serta rantau lain di dunia mendapat bahannya, dengan rantaian bekalan global terjejas akibat fenomena itu menyebabkan harga bahan makanan dunia meningkat melebihi 30 peratus.

Menurutnya, menerusi tindakan jangka pendek, kerajaan mengumumkan untuk membatalkan kelulusan kuota import (AP) barangan makanan dari luar negara serta merta dan menyekat pengeksportan ayam ke luar negara.

"(Selain itu) memperkenalkan



FOTO: BERHMM

Beliau menegaskan, langkah berkenaan disusuli dengan beberapa langkah jangka masa sederhana dan panjang untuk menstabilkan bekalan dan harga makanan.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, Malaysia akan terus menyuarakan pendirian dalam menjaga kepentingan dan kedaulatan negara serta membawa suara keamanan sejagat di arena antarabangsa.

Beliau menambah, beberapa siri lawatannya ke luar negara baru-baru ini jelas membuktikan jalinan kerjasama yang baik serta hubungan diplomatik kukuh antara Malaysia dengan negara-negara luar.

Selain itu, kerajaan akan terus bekerja dalam semangat kerjasama, kebersamaan dan kesyukuran sebagai Keluarga Malaysia yang merentasi fahaman politik dan ideologi demi kejayaan bersama.

Sementara itu, bagi memastikan setiap Keluarga Malaysia tidak tercicir dalam arus pembangunan negara, Perdana Menteri memaklumkan kerajaan sentiasa menambah baik program agenda perlindungan sosial di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. - Bernama

Ismail Sabri mempersembahkan ucapan tahmiah kepada Al-Sultan Abdullah bagi pibak kerajaan dan rakyat Malaysia pada Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2022 di Istana Negara, pada Isnin.

bantuan kewangan secara terus kepada rakyat terutamanya golongan B40 mulai 1 Julai ini.

Tabung Agromakanan dengan dana berjumlah RM500 juta melalui pemberian pinjaman mudah kepada pemain-pemain industri agro-makanan dan mewujudkan stok penimbun untuk ayam, daging dan ikan bagi memastikan bekalan makanan mencukupi," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merafak sembah ucapan tahmiah sempena Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan yang berlangsung di Istana Negara, di sini pada Isnin.

Istiadat berkenaan bersempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmil Yang di-

Perutusan Agung Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Bilah Shah.

Ismail Sabri memberitahu, lima langkah jangka pendek itu merupakan pendekatan kerajaan dalam melindungi seluruh Keluarga Malaysia daripada beban kenaikan harga barangan, selain pelbagai subsidi yang ditjangka mencecah RM71 bilion tahun ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2022	HARAKAH	UTARA	H16

Tanam padi lima kali solusi kurangkan import

POKOK SENA: Kerajaan negeri merancang untuk melaksanakan penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun sebagai solusi mengurangkan import beras dari negara luar.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, perancangan berkenaannya sudah di tahap 40 peratus dan komited dijayakan.

Sementara itu, jelas beliau, setakat

ini Kedah menyumbang 43 peratus beras keperluan negara namun ia masih belum mencukupi untuk keperluan semasa.

"Sekiranya projek tanam padi lima kali dua tahun ini berjaya, kita tidak perlu import beras lagi," kata beliau pada sidang media selepas menyampaikan bantuan mangsa banjir di Pokok Sena, Rabu lalu.

Dalam masa yang sama tegas beliau, Kedah tidak begitu bermasalah untuk me-

nambah musim penanaman berikutan infra pengairan dan terusan memiliki bekalan air yang cukup.

Sungguhpun demikian infra berkenaan baja, racun, benih dan harga padi perlu mendapat kerjasama serta disediakan oleh kerajaan persekutuan.

"Kita akan mengenalpasti kawasan yang terlibat sama ada di dalam atau di luar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

(MADA) dan menyusun semua jadual penanaman," jelas beliau lagi.

Dalam perkembangan lain, pihaknya tidaklah terlalu gusar berkenaan bekalan makanan kerana selain beras, Kedah juga merupakan negeri pembekal ikan pantai terbesar negara iaitu 24.5 peratus.

Namun ujarnya lagi, import bahan makanan yang terlalu tinggi oleh negara buat masa ini perlu dipandang serius.

Gerak kempen tanam padi di tanah paya terbiar

Bagi memastikan bekalan makanan kekal terjamin

Oleh **NORAWAZNI YUSOF**
KUANTAN

Kerajaan disaran supaya menggerakkan kempen penanaman padi di kawasan tanah paya terbiar di seluruh negara sebagai usaha meningkatkan tahap sekuriti makanan negara.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perlindungan dan Komoditi Pahang, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin berkata, perkara itu perlu dimulakan dalam keadaan geopolitik dunia yang tidak menentu ketika ini. Menurutny, Kementerian Pertanian

dan Industri Makanan (MAFI) perlu menggerakkan usaha ini dan sekali gus dapat memastikan barangan keperluan asas untuk rakyat dijamin tidak terputus.

"Kalau kita lihat trend negara-negara pengeluar yang mengherbitkan eksport semakin memaringnya telah bermula. Ada duit tapi negara mengeluarkan eksport merupakan satu masalah. Harga komoditi makanan pun melambung tinggi.

"Jadi, Kementerian (MAFI) mesti mencari jalan bagaimana untuk memulakan kempen ini di tanah terbiar untuk tanaman, sayuran dan ternakan," katanya pada Isnin.

Beliau menjelaskan sebagai contoh usaha menanam padi di paya terbiar telah dilaksanakan di daerah Maran.

"Kita boleh mulakan sekali setahun



MOHD SHARKAR

“

Kalau kita lihat trend negara-negara pengeluar yang mengherbitkan eksport semakin memaringnya telah bermula.”

kemudian kita boleh baiki infra yang ada secara perlahan-lahan hingga sampai ke peringkat yang sempurna.

"Jika perkara ini dilaksanakan rakyat kita secara tidak langsung ada makanan untuk dimakan," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau mahu kerajaan mengutamakan agenda sekuriti makanan dalam memastikan bekalan makanan negara kekal terjamin.

Tangani krisis sekuriti makanan

Seri Paduka menitahkan agar satu pelan jangka panjang dirangka bagi mengukuhkan sekuriti makanan dan menjamin kos sara hidup untuk berada pada tahap yang bersesuaian

KUALA LUMPUR

Krisis sekuriti makanan perlu ditangani segera terutama dalam keadaan dunia yang menghadapi pelbagai kemelut dan kejutan ketika ini, titah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Seri Paduka turut menitahkan agar satu pelan jangka panjang dirangka mengukuhkan sekuriti makanan dan menjamin kos sara hidup untuk berada pada tahap yang bersesuaian. "Beta berharap agar kerajaan beta dan pemimpin di setiap lapisan untuk menangani masalah kelangsungan hidup yang membelenggu segelintir rakyat beta, termasuklah kos sara hidup yang tinggi di samping pe-

ningkatan harga komoditi industri dan makanan.

"Nasihat beta, usahlah wujud bibit pertikaian apabila setiap kali negara berhadapan dengan masalah sekuriti makanan dan peningkatan kos sara hidup. Kita semua seharusnya fokus kepada membantu memulih kemaslahatan rakyat.

"Sikap 'bila sudah merah, kapur' salah satu kurnyt dan kurnyt salakikan kapur' tidak akan dapat membantu dan membole nasib rakyat beta yang terhimpit dengan pelbagai dugaan," titah Seri Paduka sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Resmi di Istana Negara di sini pada Isnin.

Al-Sultan Abdullah juga menitahkan rakyat supaya memantapkan peranan dengan menanam sikap berijmat cermat dan berbelanja secara berhemah serta tidak melakukan pembaziran.

Seri Paduka turut menyuarung tinggi inisiatif pengukuhan perlindungan sosial yang dilaksanakan oleh kerajaan termasuk program Pembashtian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia.

Yang di-Pertuan Agong menaruh harapan tinggi agar program itu dapat mencapai sasaranannya untuk menghapuskan miskin tegar menjelang 2025.

"Pemimpin adalah tidak ubah bagai condong yang akan menongkat, bagi rebah yang akan menegak.

"Pemimpin adalah sandaran



FOTO: BERNAMA

Al-Sultan Abdullah berkenan menyampaikan Titah Diraja pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2022 sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Resmi Baginda di Istana Negara pada Isnin. Turut berangkat Raja Permaisuri Agong Tunjku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

kepada harapan rakyat. Kebahagiaan dan kesusahan rakyat adalah merupakan cerminan diri yang wajib digalas oleh setiap pemimpin," titah Baginda.

Dalam titah itu, Seri Paduka turut merakamkan terima kasih kepada seluruh anggota per-tadbiran, penjawat awam, anggota pasukan keselamatan dan petugas kesihatan yang telah mencurahkan bakti kepada ne-

gara yang tercinta ini. Al-Sultan Abdullah berpesan agar rakyat terus mengamalkan penjagaan kesihatan diri yang tinggi bagi mewujudkan per-sekitaran yang kondusif dan se-lamat.

Seri Paduka turut menzahirkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima Darjah Bintang Kebesaran dan Pingat Persekutuan pada tahun ini dan

berharap pengurniaan itu menyuntik semangat baru untuk terus berbakti kepada masyarakat dan negara.

"Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa semoga negara kita dan rakyat yang beta kasih akan sentiasa berada di bawah perlindungan dan kerahmatan Allah serta aman makmur dan bersatu padu di bawah lindung-anNya," titahnya. - Bernama



ANGGOTA PGA memeriksa kotak mengandungi telur penyu dipercayai cuba diseludup keluar oleh suspek ke negara jiran melalui ICQS Merapok, Lawas.

Gagal seludup 11,700 telur penyu

Limbang: Cubaan dua lelaki tempatan menyeludup ke luar 11,700 telur penyu ke negara jiran gagal apabila mereka ditahan ketika melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Merapok, Lawas.

Komander Briged Sarawak Pasukan Gerakan Am (PGA) Senior Asisten Komisioner Che Ghazali Che Awang berkata, tangkapan dilakukan serentak, tangkapan dilakukan serentak di Kompleks ICQS Merapok, jam 10 pagi, Sabtu lalu.

“Pemeriksaan ke atas sebuah pikap digunakan ke dua-dua suspek berusia 31

dan 37 tahun menjumpai 13 kotak mengandungi 11,700 telur penyu.

“Semua telur penyu berkenaan dipercayai untuk dipasarkan ke negara jiran,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, jumlah rampasan dianggarkan RM109,250 termasuk pikap bernilai RM80,000.

Katanya, tangkapan dan rampasan diserahkan kepada Perbadanan Perhutanan Sarawak Bahagian Larian untuk tindakan dan siasatan lanjut mengikut Seksyen 29 (1) Ordinan Perlindeungan Hidupan Liar Sarawak 1998.



TELUR penyu yang dirampas.

GOF seizes nearly 12,000 turtle eggs in Sarawak

KUCHING: A total of 11,700 turtle eggs worth RM109,250 were seized in Lawas district by the General Operations Force (GOF).

The state GOF Brigade commander, Senior Asst Comm Dr Che Ghazali Che Awang, said the eggs were found in 13 boxes, and two local men were arrested during the raid 1,045km from here, on Saturday.

He said the suspects were

detained by a team from Company C, Battalion 12 at the Merapok Immigration, Customs, Quarantine and Security Complex after the turtle eggs were found in their 4WD vehicle, reported Bernama.

"The eggs were about to be smuggled out to a neighbouring country, we believe," he said in a statement.

SAC Che Ghazali said the two suspects and seized items were handed over to the Sarawak

Forestry Corporation in Lawas for further action and the case would be investigated under the Sarawak Wildlife Protection Ordinance 1998.

In Kota Baru, the Kelantan Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry said it has seized over RM1.7mil worth of goods involving 88 cases under the Control of Supplies Act 1961 since January this year.

The ministry's state enforcement chief, Aswadi Jaafar said the goods included sugar, flour and cooking oil, seized through integrated operations together with other enforcement agencies, reported Bernama.

"We have also made 26 arrests and seized 38 vehicles from the activities of misappropriation and smuggling of controlled items at Malaysia's border area," he said in a statement yesterday.

'Tangani segera krisis sekuriti makanan'

Kuala Lumpur: Krisis sekuriti makanan perlu ditangani segera terutamanya dalam keadaan dunia yang menghadapi pelbagai kesukaran dan keputanan ketika ini, titah Yang di-Perutusan Agung Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Seri Paduka turut menitikberatkan satu pelan jangka panjang dirangka untuk meningkatkan sekuriti makanan dan perkhidmatan kos sara hidup untuk berada pada tahap yang berseesuaian.

"Beta berharap agar kerajaan beta dan pemimpin di setiap lapisan untuk me-

nangani masalah kelangkaan hidup yang membekalkan segelintir rakyat beta, termasuklah kos sara hidup yang tinggi di samping peningkatan harga komoditi industri dan makanan.

"Nasihat beta, usahlah wujud bibit pertikaian apabila setiap kali negara berhadapan dengan masalah sekuriti makanan dan peningkatan kos sara hidup. Kita semua seharusnya fokus kepada membanjiri masalah kemalabatan rakyat.

"Sikap bila sudah merah, kapur salahkan kurniyt dan kurniyt salahkan, kurniyt tidak akan dapat membantunya dan membantunya beta nasib rakyat beta yang terhimpit dengan pelbagai dugaan, titah Seri Paduka sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmid Istana Negara di sini, semalam.

"Kita semua seharusnya fokus membantu memulih kemaslahatan rakyat"

Al-Sultan
Abdullah

Al-Sultan Abdullah juga menasihatkan rakyat supaya memainkan peranan dengan menamakan sikap bertimbang berimbang dan berbilang secara bertimbang berbilang mah serta tidak melakukan permbaziran.

Seri Paduka turut menyanjung tinggi inisiatif pengkuatan perindangan sosial yang dilaksanakan oleh ke-

rupakan cerminan diri yang wajib digalas oleh setiap pemimpin, titah beginda.

Dalam titah itu, Seri Paduka turut merakamkan terima kasih kepada seluruh anggota pentadbiran, penjawat awam, anggota pasukan keselamatan dan petugas kesihatan yang telah mencurahkan bakti kepada negara yang tercinta ini.

Al-Sultan Abdullah berpesan agar rakyat terus mengamalkan penjagaan kesihatan diri yang tinggi bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selamat.

- Bernama

rajaan termasuk program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia.

Yang di-Perutusan Agung menaruh harapan tinggi agar program itu dapat mencapai sasarannya untuk menghapuskan miskin tegar menjelang 2025.

"Pemimpin adalah tidak ubah bagi condong yang akan menongkat, bagi rebah yang akan menegak."

"Pemimpin adalah sandaran kepada harapan rakyat. Kebahagiaan dan kesusahan rakyat adalah me-

Bekalan di Pulau Pinang terhad, pembekal utamakan kegunaan harian

Stok telur berkurang 60 peratus

OKEN NOOR HASLIZA NUSI

